

Lengkapkan isi tersurat.

Gunakan Deria

Ada sepiring mihun goreng di atas meja. Helmi mahu makan mihun itu. Sebelum makan, Helmi perlu memastikan bahawa mihun itu belum basi. Dia perlu menggunakan derianya.

Mula-mula, Helmi melihat keadaan mihun itu. Dia menggunakan deria penglihatannya. Mihun itu tidak berlendir.

Kemudian, Helmi menghidu bau mihun itu. Dia menggunakan deria baunya. Mihun itu tidak berbau busuk.

Seterusnya, Helmi merasa mihun itu dengan lidahnya. Dia menggunakan deria rasanya. Rasa mihun itu sedap. Setelah berpuas hati, barulah Helmi makan mihun itu.

Tindakan Helmi Sebelum Makan	Deria yang Digunakan
Melihat keadaan mihun	
Merasa mihun	

Deria rasa

Menghidu bau mihun

Deria bau

Deria penglihatan